

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)33

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

33. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berusaha keras dalam melaksanakan inisiatif Go Green, namun sejauh manakah keberkesanannya?
- (a) Sejak pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca, apakah hasil dan keberkesanan yang telah dicapai setakat ini?
 - (b) Bagaimanakah tahap keberkesanan penguatkuasaan larangan penggunaan straw plastik dan plastik sekali guna dalam negeri?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

33. Negeri Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai entiti kerajaan khusus bagi melaksanakan inisiatif hijau dan kelestarian, iaitu Penang Green Council (PGC). Melalui kerjasama dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), pelbagai usaha dilaksanakan ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri rendah karbon dan berdaya tahan, termasuk pelaksanaan Dasar

Bandar Karbon Sifar, pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien, larangan plastik sekali guna, serta penggunaan tenaga solar dan kenderaan elektrik dan pengiktirafan *Green Building Certificate*. Kerajaan Negeri turut merancang agar pembangunan di bawah inisiatif Rumah MutiaraKu (RMKu) dilaksanakan dengan pendekatan lestari melalui pelaksanaan piawaian bangunan hijau. Sehubungan itu, projek RMKu akan diperakui dengan pensijilan hijau seperti Green Building Index (GBI) atau setara, bagi memastikan setiap pembangunan bukan sahaja memenuhi keperluan perumahan mampu milik, tetapi juga menyumbang kepada matlamat negeri rendah karbon dan kesejahteraan alam sekitar. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri ke arah Pulau Pinang hijau, lestari dan berdaya saing menjelang 2030.

- (a) Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dilaksanakan semula pada 1 Julai 2024 dan berjaya meningkatkan kesedaran awam serta kadar kitar semula di bawah MBPP dan MBSP. Hasil pelaksanaan dasar ini dapat dilihat melalui peningkatan kadar kitar semula yang direkodkan di bawah pentadbiran MBPP dan MBSP seperti berikut:

Pihak Berkuasa Tempatan	Kadar Kitar Semula (%)		
	2023	2024	2025 (sehingga September)
MBPP	41.78	43.72	45.27
MBSP	57.36	57.60	33.64

Penang Green Council (PGC) turut memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dasar ini melalui beberapa inisiatif utama:

- (i) Memperkenalkan Direktori MAMPAN iaitu Platform atas talian yang memaparkan lebih 220 premis berasaskan amalan 5R, termasuk pusat kitar semula dan kedai pukal;
- (ii) Ceramah Eco-Talk iaitu Taklimat pendidikan alam sekitar mengenai pengasingan sisa, dengan 140 sesi dilaksanakan sejak 2018 di sekolah, komuniti dan sektor korporat;

- (iii) Pertandingan Kitar Semula – Program seperti “*I Am EcoChamp!*”, Pertandingan Botol PET bersama TORAY, dan *E-Harvesting* bersama Dell berjaya menggalakkan penyertaan masyarakat serta mengumpul 14 tan botol PET untuk dikitar semula.
- (iv) Siri Jelajah Kesedaran Alam Sekitar 2025 – PGC menganjurkan pelbagai acara seperti Hari Bumi, Hari Air, Penang Hill Festival, Hari Cuci Malaysia, dan Penang 2030 Festival bagi memperkukuh kesedaran kelestarian.
- (v) Penang Green Market (PGM) – Platform pendidikan gaya hidup sifar sisa dengan lima sesi sepanjang 2025, menarik purata 500 pengunjung setiap sesi dan lebih 5,000 pengunjung semasa edisi khas Penang2030 Festival.

Keseluruhannya, pelaksanaan dasar ini secara bersama antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PGC telah membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperkukuh budaya kitar semula dan gaya hidup lestari di seluruh negeri.

- (b) Penang Green Council (PGC) telah menjalankan beberapa kajian untuk menilai keberkesanan larangan plastik sekali guna. Hasil *Phase Out Single Use Plastic Survey 2023* menunjukkan masyarakat dan peniaga di Pulau Pinang semakin bersedia menghentikan penggunaan penyedut minuman plastik. Kesan pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik dan kenaikan caj beg plastik daripada RM0.20 kepada RM1.00 sejak 2021 telah menurunkan permintaan beg plastik sebanyak 78% antara 2020 hingga 2021.

Selain itu, Kajian Fasa Akhir Plastik Sekali Guna 2024 mendapati 82% responden bersetuju bahawa inisiatif ini berjaya mengurangkan penggunaan dan kebergantungan terhadap plastik sekali guna membuktikan sokongan kukuh masyarakat terhadap dasar hijau negeri.